

20 MAY 2004
Everest-UiTM
PENDAKI UITM BERAZAM MAHU TAWAN PUNCAK LAIN

SHAH ALAM, 20 Mei (Bernama) -- Kejayaan menawan puncak Everest telah menyemarakkan lagi harapan dua pendaki muda negara Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin dan Ahmad Reduan Rozali untuk menawan puncak lain.

Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin, 22, kini berhasrat untuk menakluk enam lagi puncak gunung di enam benua.

"Saya harap dapat tawan tujuh gunung di tujuh benua," kata penuntut tahun akhir Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM itu ketika menghubungi Naib Canselor UiTM Datuk Seri Prof Ibrahim Abu Shah di kampus induk UiTM di sini hari.

Panggilan itu dibuat semasa mereka dalam perjalanan turun ke Labuche, yang berada pada ketinggian 4,920 meter, yang mengambil masa 40 minit, yang turut disertai kumpulan media.

Sementara Ahmad Reduan, 22, mahu mendaki ke puncak Everest itu melalui Tibet pula, iaitu laluan yang kurang popular di kalangan pendaki berbanding laluan yang biasa ditempo oleh para pendaki pada masa kini iaitu melalui Nepal.

"Kalau diberi peluang apa salahnya untuk saya mendaki semula Everest ini. Walaupun perasaan takut tu ada, tetapi saya masih ada semangat lagi.

Tetapi saya mahu dari sebelah Tibet kerana jalan ini tidak popular," kata penuntut tahun akhir Fakulti Sains Gunaan UiTM itu.

Muhammad Muqharabbin dan Ahmad Reduan, tiba di puncak Everest setinggi 8,850 meter itu pada 10.50 pagi waktu Malaysia Ahad lepas.

Mereka berkata kejayaan menawan puncak Everest itu merupakan satu kepuasan dan kebanggaan kerana berjaya mencapai misi dan harapan tinggi yang disandarkan kepada mereka.

Mereka menghabiskan masa antara 30 minit dan 45 minit di puncak Everest itu dengan mereka turut mengibarkan bendera-bendera Malaysia, UiTM dan para

penaja.

Kedua-dua pelajar itu berkata antara orang pertama terlintas di fikiran mereka sebaik tiba di puncak Everest ialah ibu bapa dan anggota keluarga mereka, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Prof Ibrahim.

Ahmad Reduan berkata pengalaman paling bahayanya ialah ketika mereka mendaki dari Kem 4 untuk ke puncak kerana terdapat laluan sejauh 100 meter yang sangat curam dan mereka hanya bergantung kepada tali semata-mata pada masa itu.

Ahmad Reduan dan Muhammad Muqharabbin berkata mereka tidak sabar untuk pulang ke tanah air untuk menemui anggota keluarga dan merindui masakan Malaysia. Ahmad Reduan merindui sambal ikan keli manakala Muhammad Muqharabbin teringinakan makanan laut.

Mereka berkata antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan ialah terjumpa mayat di laluan pendakian.

Prof Ibrahim berkata UiTM akan menaja kedua-dua pelajar itu sehingga tamat pengajian mereka di universiti itu dan bersedia menaja mereka sekiranya mereka bercadang melanjutkan pengajian ke luar negara.

Acara khas bagi meraikan kejayaan dua pendaki itu turut dirancang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Dr Mahathir, selaku penaung projek yang menelan kos RM1.5 juta itu akan dijemput, katanya.

UiTM juga bercadang menubuhkan kelab mendaki gunung yang terbuka kepada penuntut institut itu dan juga orang awam yang berminat, katanya.

-- BERNAMA
LES LES RHM